



ANAK lembu berkepala dua ditemui di Sukabumi, Jawa Barat.

Kecoh anak lembu kepala dua

SUKABUMI - Pasar daging di Pasar Pelita, Kota Sukabumi, Jawa Barat heboh hujung minggu lalu ekoran kemunculan anak lembu berkepala dua.

Anak lembu aneh itu ditemui dalam perut seekor lembu betina yang dipotong untuk dijual di pasar daging tersebut.

Haiwan yang mempunyai dua leher, dua kepala dan satu badan itu dianggarkan berusia lapan bulan dan akan lahir dalam tempoh dua bulan lagi, lapor ***Liputan6.com***.

Menurut pemilik lembu berkenaan, Eeng, dia merancang untuk mengawet dan menyimpannya sebagai kenang-kenangan.

- AGENSI